

THE PROPOGATION OF DOCTRINE OF DEVIANT RELIGIOUS TEACHINGS IN THE CYBER NET

PENYEBARAN DOKTRIN AJARAN SESAT DI ALAM SIBER

Noor Raihan Jusidiniⁱ & Zuliza Mohd Kusrinⁱⁱ

ⁱ (Correspondin Author) Calon Sarjana, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. noorraihaan@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zuli@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 1st February 2018

Revised: 17th February 2018

Accepted: 7th March 2018

Abstract	<p><i>The doctrine of deviant religious teaching is not a new manifestation and is not unnoticed by all parties, even its viral propagation nowadays has tarnished the sanctity of Islam. In Malaysia, the practitioners of this doctrine can be prosecuted and may be sentenced if convicted. The provisions of the law for the offence of dissemination of deviant teaching doctrine is a provision under the Syariah Criminal Offences Enactment in each State. The legal provisions for the offence of dissemination of deviant teaching doctrine is a provision under the Shariah Criminal Offences Enactment in each state. In the state of rapidly evolving technological means of communication and social media, deviant religious teachings could be propagated more easily. Therefore, this study aims to identify the propagation of doctrine of deviant teaching of Islam among Muslims in Malaysia through social communication media through the channel of cyberspace. This study uses the method of observation by analysing the dissemination of deviant teachings of Islam through popular social media applications in this era. The method of document analysis is used with reference to the Syariah Criminal Offences Enactment in every State, a list of detailed fatwa concerning deviant teachings and other related documents. The data collected is analyzed descriptively and thematically a cult teachings that had been ruled contrary to the flow of the Sunni community by Fatwa States. The research findings found that there are various propagation of several doctrine of deviant teaching of Islam in cyber space that has been ractified by the Committee of State Fatawa Council as against the teaching of the School of Ahli Sunnah Wal Jamaah. Several of devient teachings such as Millah Abraham @ Ibrahim, Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT), Syiah, Raja Bomoh Sedunia is spread out widely in the cyber space through media social application such as facebook, Youtube and blogs.</i></p> <p>Keywords: <i>Doctrine, deviant teaching, Islam, cyber space, Shariah criminal offence.</i></p>
Abstrak	<p><i>Doktrin ajaran sesat bukanlah satu manifestasi baru dan tidak disedari oleh semua pihak, bahkan penyebarannya yang semakin menular pada hari ini menyebabkan kesucian agama Islam itu sendiri telah tercemar. Di Malaysia, pengamal ajaran sesat ini boleh didakwa dan boleh dijatuhkan hukuman jika</i></p>

	<p><i>disabitkan kesalahannya. Peruntukan undang-undang bagi kesalahan penyebaran doktrin ajaran sesat merupakan peruntukan yang berada di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah pada setiap negeri. Dalam keadaan teknologi alat komunikasi dan saluran-saluran media sosial yang semakin pesat, pengembangan ajaran sesat ini dilihat amat mudah untuk berlaku. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis apakah doktrin ajaran-ajaran sesat yang tersebar dalam kalangan orang Islam di Malaysia melalui saluran-saluran media komunikasi sosial di alam siber. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dengan melihat kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut melalui aplikasi-aplikasi media sosial yang popular pada era ini. Kaedah analisis dokumen juga digunapakai dengan merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di setiap negeri, senarai fatwa-fatwa negeri mengenai ajaran-ajaran sesat dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Hasil kajian yang dianalisis secara deskriptif dan tematik ini mendapati bahawa doktrin ajaran sesat adalah ajaran yang telah difatwakan bercanggah dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Muzakarah Fatwa Negeri-Negeri. Penyebaran dan pengembangan beberapa ajaran sesat seperti Millah Abraham @ Ibrahim, Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT), Syiah, Raja Bomoh Sedunia dan lain-lain didapati berlaku secara berleluasa di alam siber melalui aplikasi media sosial seperti Facebook, Youtube dan laman-laman blog.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Doktrin, ajaran sesat, Islam, alam siber, kesalahan jenayah syariah.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Ajaran sesat merupakan isu yang tidak lagi asing dalam kehidupan umat Islam di Malaysia. Ajaran ini adalah suatu fahaman atau amalan yang didakwa berdiri atas nama Islam tetapi hakikatnya bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar. Hal ini adalah kerana ajaran sesat terdiri daripada ajaran yang bertentangan dan menyeleweng dari sumber-sumber perundangan Islam yang muktabar. Istilah ajaran sesat ini juga boleh menyerupai makna yang sama dengan ajaran salah dan penyelewengan akidah Islam.

Di Malaysia, urusan pentadbiran hal ehwal orang Islam berada di bawah undang-undang khusus setiap negeri masing-masing. Walaupun kesalahan ajaran sesat ini tidak mempunyai peruntukan yang khusus, namun terdapat beberapa peruntukan yang dapat dikaitkan bagi melakukan pendakwaan berhubung dengan kesalahan ajaran sesat ini. Sehingga hari ini, terdapat lebih dari 127 kumpulan ajaran sesat yang tersenarai dalam fatwa-fatwa negeri serta pihak JAKIM dan antaranya masih bergiat aktif dalam menyebarkan serta mengembangkan ajaran mereka (Zanirah et al., 2013).

Sebagai contoh Jawatankuasa Fatwa negeri Selangor yang mengharamkan ajaran Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati Selangor (2011), ajaran Juruzon bin Abdul Latif @ Ahmad Walidie (Madrasah at-Taqwa Batu 14, Hulu Langat)(2012), Hizbut Tahrir (2015), ajaran Millah Abraham @ Ibrahim (2015), Gerakan Militan DAESH, ISIS, ISIL atau IS (2016) dan sebagainya dari diikuti dan diamalkan oleh masyarakat Islam di negeri tersebut (<http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-terkini>).

Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan juga memfatwakan bahawa ajaran Taslim, Qadiani dan Syiah (2013), fahaman dan aliran pemikiran Liberal (2013), ajaran Tapediri 65 atau Ba Tha Mim 114 (2015), ajaran Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT) (2017), ajaran Raja Bomoh Sedunia Ibrahim Mat Zin (2017) dan lain-lain lagi sebagai ajaran yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar (<http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa>).

Begitu juga dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka yang mengeluarkan fatwa pengharaman beberapa ajaran yang dilihat sebagai sesat dan bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti ajaran Agama Assalama (2011), ajaran Tariqat Naqsyabandiah al-Aliyah Syeikh Nazim (2011), Ajaran Panji Langit yang dibawa

oleh Mohd Jaffar bin Robani (2013) dan beberapa ajaran lain (<http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/index.php/en/aqidah>).

Penyebaran ajaran-ajaran sesat ini dilihat semakin rancak berjalan apabila ada individu atau kumpulan yang terlibat bertindak melakukan penyebaran fahaman ajaran mereka melalui perbincangan agama dengan berselindung di sebalik nama Islam kepada masyarakat Islam yang lain. Ditambah lagi dengan kepesatan teknologi dan perkembangan aplikasi-aplikasi media sosial pada abad ini menjadikan sebarang maklumat boleh disebarluaskan kepada semua netizen secara pantas. Sehubungan itu, penulisan ini akan meninjau doktrin ajaran-ajaran sesat yang telah difatwakan sebagai sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam sebenar oleh Jabatan Mufti negeri-negeri di Malaysia yang disebarkan melalui media komunikasi sosial pada hari ini.

KONSEP DOKTRIN AJARAN SESAT

Istilah ajaran sesat adalah satu istilah yang popular digunakan oleh masyarakat Malaysia apabila merujuk kepada ajaran yang pelik, salah dan berkait dengan penyelewengan akidah Islam. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), doktrin bermaksud prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima. Ajaran pula didefinisikan sebagai segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori atau mazhab (Kamus Dewan, 2005). Manakala sesat pula didefinisikan sebagai tidak mengikut jalan yang betul, tersalah atau tersilap jalan dan menyimpang dari jalan yang benar dari segi perbuatan dan kepercayaan (Kamus Dewan, 2005).

Oleh itu, dalam penggunaan bahasa Melayu dapat disimpulkan bahawa doktrin ajaran sesat ini merupakan suatu ilmu, ajaran yang dipercayai dan diterima serta disebarkan tetapi menyimpang daripada kebenaran yang sebenarnya (Engku Ahmad Zaki, 2009). Dalam hal ini, perkataan sesat mempunyai maksud yang sama dengan perkataan seleweng. Menurut Kamus Dewan (2005) seleweng bermaksud menyimpang dari arah yang betul, menyimpang dari tujuan sebenarnya dan tidak menurut landasan (syarat/perintah) yang telah ditetapkan. Oleh itu, secara tidak langsung perbincangan mengenai ajaran sesat boleh juga disamakan dengan perbincangan penyelewengan akidah dalam konteks negara Malaysia (Zanirah et al., 2013).

Istilah ajaran sesat ini didapati mempunyai takrifan yang banyak dan didefinisikan oleh pelbagai pihak. Dalam al-Quran sendiri, terdapat perkataan Arab yang membawa makna serupa dengan istilah sesat iaitu perkataan *dalla yadillu dalalan dalalatan* yang merujuk kepada erti kehilangan sesuatu, jauh daripada kebenaran, terkeluar, menyimpang dan menyeleweng daripada kebenaran serta menyimpang dari jalan yang lurus. Lawan bagi perkataan *dalla* adalah perkataan *huda* yang bermaksud hidayah petunjuk (Al-Husayn, 1994).

Menurut Syeikh Ahmad Ridha (1959), perkataan *dalal* memberi erti setiap perkara yang menyimpang dan terkeluar daripada kebenaran sama ada dilakukan dengan sengaja ataupun tidak sengaja, banyak mahupun sedikit. Manakala al-Hamshari, al-Sayyid Abu al-Maftuh dan Musa (1997) pula memberi pentakrifan *dalal* dari sudut istilah akidah adalah suatu yang menyimpang dari jalan yang lurus iaitu agama Islam yang telah disyariatkan oleh Allah SWT kepada keseluruhan manusia.

Sulayman bin Ibrahim bin Umar menterjemahkan ajaran sesat dengan istilah *al-Ta'alim al-Dallah* dalam buku yang berjudul *al-Turuq a-Sufiyyah fi Maliziyya wa Athruha Ala al-Dawat al-Islamiyyah* (2002). Manakala al-Shahrastani (1967) pula menggunakan istilah *ahl al-ahwa' wa al-nihal* bagi merujuk kepada ajaran sesat seperti aliran *al-Falsafah al-Dahriyyah* iaitu golongan yang membawa fahaman mengingkari adanya Tuhan Yang Maha Pencipta. Golongan ini berkeyakinan bahawa alam ini wujud dengan sendirinya tanpa ada pencipta. Pendek kata, orang yang mendokong ajaran sesat ini adalah orang yang menyimpang dan menyeleweng dari ajaran agama Allah SWT yang lurus iaitu Islam tanpa mengambil kira penyimpangan itu berlaku dengan banyak ataupun sedikit (Engku Ahmad Zaki, 2007).

Manakala perbincangan mengenai ajaran sesat yang dilakukan oleh ahli akademik Barat pula menggunakan istilah *cult yang* membawa erti kepada kumpulan keagamaan yang patuh kepada seorang ketua yang dihormati yang telah membawa sebuah ajaran baru atau amalan kerohanian yang luar biasa. Selain itu, istilah lain yang dirujuk sebagai ajaran sesat menurut mereka adalah istilah *New Religion Movement* (The World Book Encyclopedia, 2006).

Definisi ajaran sesat yang disepakati oleh Majlis Ulama' Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) boleh diertikan sebagai "sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam; sedangkan ada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah serta bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam" (Mohd Tamyas, 2007).

Menurut Hj. Mohamed Amin Salleh iaitu mantan Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pula, ajaran sesat atau salah didefinisikan sebagai "semua bentuk ajaran atau amalan yang didapati bertentangan dengan syariat Islam atau bertentangan dengan mana-mana sumber hukum Islam (al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyas) sedangkan ajaran dan amalan yang bertentangan itu didakwa atau dikatakan dari ajaran Islam, serta diajarkan kepada masyarakat sama ada dengan secara sulit atau rahsia atau untuk ahli sahaja atau diajarkan dengan secara terbuka kepada orang ramai, seterusnya ajaran itu diamalkan atau menjadi pegangan kepada individu atau kumpulan yang berkenaan" (Mohd Tamyas, 2007).

Manakala, definisi yang diberikan oleh Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula mentakrifkan ajaran sesat sebagai "sebarang ajaran ataupun amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam ataupun bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berdasarkan ajaran Islam. Hakikatnya, ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islam serta bertentangan dengan Al-Quran, Al-Sunnah, mazhab yang muktabar dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)" (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).

Pun begitu, menurut Engku Ahmad Zaki (2009), beberapa perkara dalam takrif yang diberikan oleh JAKIM tersebut perlu diteliti dengan lebih halus menurut kaedah penyelidikan Islam yang sebenar. Takrif ajaran sesat yang sesuai menurut beliau adalah "sebarang ajaran dan amalan yang diasaskan dan didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Quran dan a-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" (Engku Ahmad Zaki, 2010).

Abdulfatah Haron Ibrahim (2010) pula mendefinisikan ajaran sesat sebagai ajaran dan amalan yang bertentangan dengan agama Islam serta turut mengaitkannya dengan ajaran tarekat dan tasawuf. Hal ini adalah kerana terdapat segilintir masyarakat Islam yang bukan daripada kalangan ahli falsafah cuba melibatkan diri dalam ilmu falsafah sehingga ilmu tarekat dan tasawuf yang dibawa oleh mereka menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan bertukar wajah menjadi ajaran sesat.

Dalam sejarah Islam, isu ajaran sesat bukan juga perkara yang baru dalam zaman Rasulullah SAW kerana pada zaman tersebut sendiri muncul beberapa kelompok yang menyeleweng sehingga ada yang mengisytiharkan diri keluar daripada agama Islam (Engku Ahmad Zaki, 2009). Kemunculan ajaran sesat di Malaysia pula dipercayai berlaku pada abad ke 19 di Kampung Seronok, Seberang Perai, Pulau Pinang yang dikenali sebagai ajaran Taslim. Pengasas ajaran ini adalah Hj. Mohammad bin Syafie atau lebih dikenali sebagai Hj. Ahmad Matahari (Amir Husin et al., 2010).

Perkembangan pemikiran dan kepercayaan umat Islam di Malaysia seiring dengan sejarah penyebaran agama Islam di rantau ini. Kebanyakan ajaran sesat dan salah ini banyak dipengaruhi oleh kebudayaan, adat dan kepercayaan kuno yang mempunyai unsur dinamisme dan animisme serta dicampuradukkan dengan pelbagai doktrin lain seperti

Hindu, Buddha dan Syiah Ismailiyyah (Farahwahida, 2007). Kepercayaan tradisi dan adat istiadat yang tebal oleh masyarakat Islam di Malaysia sehingga mencampuradukkan kepercayaan tersebut dengan ajaran Islam. Hal ini membuatkan suatu amalan itu dilihat sebagai sebahagian daripada Islam tapi hakikatnya ia dihiasi dengan amalan-amalan syirik, khurafat dan bidaah yang jelas bertentangan dengan akidah Islam.

Ajaran sesat ini sebenarnya mempunyai ruang lingkup yang sangat luas. Ia tidak hanya tertumpu pada aspek kepercayaan semata-mata, malah turut mencakupi aspek adat dan budaya, ibadah, muamalah, politik dan sebagainya. Penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Islam JAKIM mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk ajaran sesat dan salah yang tersebar di Malaysia. Umumnya, ajaran sesat dan salah ini dapat dibahagikan kepada tiga bentuk kategori iaitu:

- i. Bentuk ajaran baru (fahaman dan kepercayaan yang berbentuk tradisi dan moden).
- ii. Bentuk ajaran tarekat (tasawuf).
- iii. Bentuk ajaran melalui kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung dengan perkara mistik dan budaya hidup (kepercayaan tradisi yang karut, khurafat, bidaah dan syirik) (Engku Ahmad Zaki, 2007).

Ajaran-ajaran sesat dan salah yang dikenalpasti seringkali berselindung di sebalik ketiga-tiga bentuk kategori yang dinyatakan di atas. Berdasarkan bentuk-bentuk ajaran yang menyeleweng itu MABIMS mewujudkan satu garis panduan kriteria-kriteria suatu ajaran itu boleh dihukumkan ajaran sesat iaitu:

- i. Mempercayai kepada rukun-rukun iman dan asas-asas akidah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti mempercayai ada kitab lain yang memansuhkan kitab al-Quran dan mempercayai adanya kiblat lain selain daripada Kaabah.
- ii. Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan al-Hadith.
- iii. Mendakwa dirinya sebagai nabi terakhir, Nabi Isa AS, Imam Mahdi atau lain-lain seumpamanya.
- iv. Mempercayai penyatuan beberapa agama di dunia ini yang seharusnya menjadi anutan kepada manusia.
- v. Melakukan pendewaan diri atau pemimpin kumpulan tersebut seperti mendakwa dirinya atau gurunya sebagai ahli syurga, maksum, boleh menebus dosa dan memiliki keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain seumpamanya boleh berkahwin lebih dari empat orang isteri.
- vi. Memberikan pendapat atau mengadakan amalan baharu yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islam seperti menghapuskan kewajipan berjihad, solat Jumaat, berpuasa, menunaikan haji dan seumpamanya.
- vii. Menafsirkan serta menghuraikan al-Quran dan al-Hadith sesuka hati (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).

Penyelewengan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ajaran sesat ini melibatkan penyelewengan dari sudut akidah dan syariat Islam. Isu ini dilihat amat berbahaya dan boleh diibaratkan seperti api dalam sekam kerana ia memberi ancaman yang besar terhadap agama, institusi kekeluargaan, ummah Islam dan juga negara.

KESALAHAN AJARAN SESAT MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan”.

Menerusi peruntukan tersebut, Islam telah diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai agama yang tertinggi. Kedudukan agama Islam dalam peruntukan ini juga merupakan isu penting yang sensitif kerana ia berkait rapat dengan kepercayaan dan

pegangan majoriti penduduk yang berbangsa Melayu di Malaysia. Ia bukan sahaja berasaskan daripada fakta sejarah yang menjadikan agama Islam dominan di Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ke-12 lagi, bahkan ia juga mengiktiraf kedudukan dan kekuasaan Raja-Raja Melayu yang semuanya beragama Islam semasa negara ini dibentuk. Pun begitu, kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia seringkali menjadi topik perbincangan dan perbahasan sehingga ke hari ini. Hal ini adalah kerana sifat peruntukan agama Islam itu sendiri yang tidak begitu jelas (Abdul Aziz Bari, 2005).

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa pentadbiran yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Setiap negeri akan menggubal dan memiliki undang-undang masing-masing bagi mentadbir hal ehwal orang Islam termasuk membuat undang-undang bagi mengawal penyelewengan akidah umat Islam dalam negeri masing-masing. Justeru, segala peranan dan tindakan mengenai agama berpaut pada Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Mahkamah Syariah Negeri dan juga Jabatan Mufti di negeri masing-masing.

Peruntukan-peruntukan bagi kesalahan jenayah Syariah di Malaysia terkandung di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah setiap negeri. Senarai Akta/Enakmen/Ordinan yang diguna pakai di setiap negeri pada masa ini adalah seperti berikut:

- i. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) (Pindaan P.U.(A) 251/2002).
- ii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 (En. 4/97).
- iii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (En. 18/2014).
- iv. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 (En. 2/85) (Pindaan 1987 En. 4/87).
- v. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (En. 6/91).
- vi. Enakmen Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (En. 4/92) (Pindaan En. 3/04).
- vii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 (En. 11/2013).
- viii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (En. 3/96).
- ix. Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 (En. 3/92).
- x. Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991 (En.4/93) (Pindaan 2007 En. A11).
- xi. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 (En. 3/95).
- xii. Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 (Bab 46/2001).
- xiii. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (En. 9/95).
- xiv. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001 (En. 7/01).

Dalam Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri tersebut ada menyatakan beberapa kesalahan yang behubung dengan akidah yang boleh dikaitkan dengan kesalahan ajaran sesat atau salah. Kesalahan-kesalahan jenayah yang behubung dengan akidah boleh dibahagikan kepada 13 kategori seperti berikut:

- i. Pemujaan salah.
- ii. Mempersendakan amalan dalam agama Islam.
- iii. Mempermainkan ayat al-Quran atau Hadith.
- iv. Menghina agama Islam.
- v. Mendakwa sebagai bukan Islam.
- vi. Memusnahkan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mencela Islam.
- vii. Percubaan murtad.
- viii. Subahat kepada percubaan murtad.
- ix. Takfir.
- x. Doktrin palsu.
- xi. Mengembangkan doktrin agama dan sebagainya.
- xii. Dakwaan palsu.
- xiii. Ajaran atau amalan salah.

Peruntukan undang-undang bagi setiap kategori kesalahan-kesalahan ini mempunyai persamaan dan perbezaan pada setiap negeri. Peruntukan bagi setiap kategori kesalahan tersebut dapat dilihat seperti di bawah:

Pemujaan Salah

Menurut peruntukan kesalahan jenayah syariah bagi negeri Johor (Sek. 3), Pulau Pinang (Sek. 3), Selangor (Sek. 4), Terengganu (Sek. 3), Pahang (Sek. 4), Sarawak (Sek. 3), Kedah (Sek. 3) dan Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 3), 'pemujaan salah' bermaksud: 'Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak'.

Manakala negeri Melaka (Sek. 69), Negeri Sembilan (Sek. 47), Perak (Sek. 8) dan Sabah (Sek. 61) pula, 'pemujaan salah' bermaksud: 'Sesiapa yang memuja pantai, pokok kayu, padang, kubur, hutan belukar, bukit atau mana-mana orang atau apa-apa benda dengan apa-apa jua cara yang bercanggah dengan Hukum Syarak'.

Dua negeri lain iaitu Kelantan dan Perlis tidak menyenaraikan 'pemujaan salah' sebagai kesalahan jenayah akidah dalam enakmen masing-masing.

Mempersendakan Amalan Dalam Agama Islam

Antara negeri yang menyenaraikan perbuatan 'mempersendakan amalan dalam agama Islam' sebagai kesalahan dalam enakmen ialah Kedah (Sek. 7), Negeri Sembilan (Sek. 50), Johor (Sek. 7), Pahang (Sek. 11), Terengganu (Sek. 8), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 7), Melaka (Sek. 62), Selangor (Sek. 10), Sarawak (Sek. 7), Perak (Sek. 14), Sabah (Sek. 54) dan Pulau Pinang (Sek. 7). Manakala Kelantan dan Perlis tidak memasukkannya ke dalam enakmen negeri masing-masing sebagai kesalahan akidah.

Mempermainkan Ayat Al-Quran Atau Hadith

Hampir kesemua negeri-negeri di Malaysia menyenaraikan perbuatan 'mempermainkan ayat al-Quran dan hadith' sebagai satu kesalahan jenayah Syariah di dalam akta/enakmen/ordinan masing. Negeri-negeri tersebut adalah Sabah (Sek. 53), Pulau Pinang (Sek. 8), Perlis (Sek. 37), Sarawak (Sek. 8), Perak (Sek. 15), Johor (Sek. 8), Selangor (Sek. 9), Negeri Sembilan (Sek. 49), Kedah (Sek. 8), Terengganu (Sek. 9), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 8), Pahang (Sek. 12) dan Melaka (Sek. 61). Hanya negeri Kelantan sahaja yang tidak menyenaraikan kesalahan tersebut dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negerinya.

Menghina Agama Islam

Negeri Pulau Pinang (Sek. 7), Sabah (Sek. 55), Pahang (Sek. 11), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 7), Terengganu (Sek. 8), Melaka (Sek. 63), Kedah (Sek. 7), Selangor (Sek. 10), Perlis (Sek. 39), Sarawak (Sek. 7) dan Johor (Sek. 7) menyenaraikan perbuatan 'menghina agama Islam' sebagai suatu kesalahan jenayah syariah dalam akta/enakmen/ordinan negeri masing-masing. Manakala negeri-negeri lain tidak menyenaraikan kesalahan tersebut di dalam peruntukan enakmen negeri masing-masing.

Mendakwa Sebagai Bukan Islam

Kesalahan dalam bentuk 'dakwaan sebagai bukan Islam' hanya terdapat dalam akta/enakmen/ordinan kesalahan jenayah syariah negeri Perak (Sek. 12), Negeri Sembilan (Sek. 48), Pahang (Sek. 8), Terengganu (Sek. 7) dan Selangor (Sek. 5) dengan definisi: 'Mana-mana orang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam untuk mengelakkan dirinya dari diambil apa-apa tindakan'.

Manakala negeri-negeri lain tidak menyenaraikan kesalahan tersebut sebagai suatu kesalahan jenayah syariah dalam peruntukan enakmen negeri masing-masing.

Memusnahkan Atau Mencemarkan Tempat Sembahyang Dengan Niat Hendak Mencela Agama Islam

Kesalahan perbuatan ini disenaraikan dalam enakmen negeri Selangor (Sek. 11), Pulau Pinang (Sek. 32), Terengganu (Sek. 39), Pahang (Sek. 21), Negeri Sembilan (Sek. 56), Sarawak (Sek. 29), Perak (Sek. 36), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 32), Johor (Sek. 32) dan Kedah (Sek. 30). Kesalahan tersebut diperincikan dengan dengan definisi: 'Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, atau mencemarkan mana-mana masjid atau surau atau tempat beribadah lain atau apa-apa kelengkapannya dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam'.

Manakala negeri-negeri lain tidak menyenaraikan kesalahan tersebut dalam akta/enakmen/ordinan kesalahan jenayah syariah negeri masing-masing. Melihat kepada fenomena vandalisme yang semakin berleluasa dan tidak mengira tempat ini, peruntukan undang-undang sebegini adalah menjadi satu keperluan yang bersifat mendesak (Johana et al. 2010).

Percubaan Murtad

Hanya empat buah negeri sahaja yang menyenaraikan kesalahan bentuk ini dalam enakmen jenayah syariah negeri masing-masing iaitu negeri Melaka (Sek. 66), Sabah (Sek. 63), Perak (Sek. 13) dan Pahang (Sek. 9). Manakala negeri-negeri yang lain tidak berbuat demikian.

Kesalahan 'percubaan murtad' ini didefinisikan sebagai: 'Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam'.

Subahat Kepada Percubaan Murtad

Kesalahan bentuk ini hanya disenaraikan oleh satu negeri sahaja sebagai kesalahan jenayah syariah dalam enakmen negerinya iaitu negeri Melaka (Sek. 67). Kesalahan ini didefinisikan sebagai: 'Seseorang yang bersyubahat dibawah seksyen 66 (percubaan murtad sebagaimana disebutkan di atas). Seseorang itu boleh dianggap bersyubahat jika ia melakukan mana-mana perkara yang disebutkan di bawah Enakmen ini'.

Pun begitu, Negeri Sembilan (Sek. 34) dan beberapa negeri lain ada menyebut secara umum mengenai kesalahan 'menyubahati sesuatu perkara' tanpa menyatakan dengan spesifik mengenai perbuatan kesalahan ini. Maka, secara amnya, peruntukan ini juga boleh diguna pakai bagi maksud kesalahan subahat termasuk bersubahat kepada percubaan untuk murtad (Johana et al. 2010).

Takfir

Bentuk kesalahan ini disenaraikan dalam semua akta/enakmen/ordinan negeri-negeri iaitu Kelantan (Sek. 24), Pulau Pinang (Sek. 31), Melaka (Sek. 68), Kedah (Sek. 29), Perlis (Sek. 23), Pahang (Sek. 37), Negeri Sembilan (Sek. 115), Selangor (Sek. 6), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 31), Perak (Sek. 28), Sabah (Sek. 64), Terengganu (Sek. 38), Sarawak (Sek. 28) dan Johor (Sek. 31).

Menurut akta/enakmen/ordinan kesemua negeri, takfir bermaksud: 'Seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada bertutur atau lisan atau melalui isyarat, atau melalui apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelola, menggalak atau memperaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang-orang yang menganuti agama Islam:

- i. Adalah orang kafir; atau
- ii. Telah berhenti menganuti agama islam; atau
- iii. Tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganuti agama islam; atau

- iv. Tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam”.

Doktrin Palsu

Peruntukan bagi bentuk kesalahan ini terdapat dalam akta/enakmen/ordinan negeri Pulau Pinang (Sek. 4), Terengganu (Sek. 4), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 4), Johor (Sek. 4), Selangor (Sek. 7), Pahang (Sek. 5), Sarawak (Sek. 4) dan Kedah (Sek. 4). Ia didefinisikan sebagai: ‘Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin dan upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuat kuasa’.

Negeri-negeri lain seperti Melaka, Perak, Perlis, Sabah, Kelantan, Pahang, Sarawak, Negeri Sembilan dan Kedah tidak memperuntukkan kesalahan ini sebagai kesalahan jenayah syariah dalam akta/enakmen/ordinan masing-masing. Peruntukan ini banyak digunakan dalam pendakwaan kes-kes yang melibatkan amalan menyeleweng dan bercanggah daripada ajaran Islam atau ajaran sesat (Johana et al., 2010).

Mengembangkan Doktrin Agama Dan Sebagainya

Bagi bentuk kesalahan mengembangkan doktrin agama, sebanyak lapan buah negeri mengkategorikannya sebagai suatu kesalahan jenayah syariah dalam akta/enakmen/ordinan negeri masing-masing. Negeri-negeri tersebut ialah negeri Pahang (Sek. 6), Perak (Sek. 10), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 5), Johor (Sek. 5), Pulau Pinang (Sek. 5), Terengganu (Sek. 5), Sarawak (Sek. 5) dan Kedah (Sek. 5).

Kesalahan ini didefinisikan sebagai: ‘Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam’.

Dakwaan Palsu

Negeri-negeri seperti Pulau Pinang (Sek. 6), Terengganu (Sek. 6), Wilayah-Wilayah Persekutuan (Sek. 6), Johor (Sek. 6), Selangor (Sek. 8), Pahang (Sek. 7), Sarawak (Sek. 6) dan Kedah (Sek. 6) mendefinisikan kesalahan ‘dakwaan palsu’ sebagai: ‘Mana-mana orang yang:

- (a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahdi atau wali; atau
- (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia, sedangkan pengisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam’.

Manakala bagi negeri Perak (Sek. 11) pula tafsiran ‘dakwaan palsu’ didefinisikan sebagai: ‘Sesiapa yang mengaku dirinya atau orang lain nabi, Imam Mahdi atau wali atau berlagak atau mengeluarkan kata-kata atau mengakui bahawa dia atau orang lain itu mengetahui kejadian ghaib dengan dakwaan palsu dan bertentangan dengan ajaran Islam’.

Ajaran Atau Amalan Salah

Hanya terdapat lima negeri sahaja yang memasukkan perbuatan mengajar ajaran atau amalan salah sebagai suatu kesalahan jenayah syariah dalam enakmen negeri masing-masing. Negeri-negeri tersebut adalah negeri Sabah (Sek. 52), Perak (Sek. 9), Negeri Sembilan (Sek. 52), Melaka (Sek. 60) dan Perlis (Sek. 34). Negeri Perlis (Sek. 34) menamakan kesalahan ini sebagai kesalahan ‘mengajar, menjalankan sesuatu istiadat yang bertentangan dengan Hukum syarak’ dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negerinya. Manakala negeri-negeri lain tidak berbuat demikian.

Definisi ‘ajaran atau amalan salah’ yang diberikan oleh kelima-lima negeri tersebut ialah: ‘Sesiapa yang mengajar agama, menghuraikan perkara yang sama kepada seseorang

atau sekumpulan orang di tempat awam atau sebaliknya atau menjalankan sesuatu upacara atau sesuatu perbuatan, yang berlawanan dengan Hukum Syara”.

Berdasarkan kategori-kategori kesalahan di atas didapati bahawa daripada sudut penguatkuasaan terdapat beberapa bentuk hukuman dan tindakan yang boleh dikenakan apabila disabitkan bersalah. Kuasa menjatuhkan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia adalah terbit dari undang-undang tertinggi iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ibrahim Deris & Zulfikri Yaso 2010). Kuasa ini berada di bawah bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah yang telah pun ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355) dalam Seksyen 2 menyatakan bahawa: *“...dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hubungan tersebut”*.

Sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 2 di atas, had maksimum hukuman yang boleh diberikan oleh Hakim Syarie bagi kesalahan jenayah syariah adalah penjara selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa kombinasi hukuman-hukuman tersebut. Pun begitu, masih lagi terdapat negeri yang belum mengguna pakai peruntukan ini bagi had hukuman kesalahan jenayah syariah tersebut kerana belum membuat pindaan terbaru (Johana et al. 2010).

Contoh hukuman yang dikenakan ke atas pelaku kesalahan jenayah syariah yang berhubung dengan akidah adalah kes ‘Rasul Melayu’ (Abdul Kahar bin Ahmad lwn Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain [2008] 4 CLJ 309) yang melibatkan lima pertuduhan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Abdul Kahar Ahmad, 59 tahun, yang mendakwa dirinya sebagai Rasul Melayu dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah tinggi Syariah Shah Alam penjara selama 10 tahun, denda RM16,500 dan enam kali sebatan kerana menyebarkan doktrin palsu (Sek. 7), mengaku diri seorang rasul (Sek. 8), mempersendakan agama (Sek. 10), menyebarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa (Sek. 12) dan mengingkari serta melanggar arahan mufti (Sek. 13). Kes yang kedua adalah kes Ayah Pin yang telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah Besut atas tuduhan menghina agama Islam, bahkan beliau bukan sahaja mendakwa dirinya sebagai nabi, malah sebagai Tuhan. Akhirnya Ayah Pin mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda RM2,900 dan penjara selama 11 bulan di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan (JHEAT 05-012/32 bhg. 1, bil. 46) (Engku Ahmad Zaki, 2009).

Hukuman yang dikenakan adalah sama ada denda, penjara, sebatan ataupun dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman. Dalam tindakan penguatkuasaan ini Mahkamah Syariah juga boleh mengarahkan apa jua bahan yang berkaitan dengan amalan dan penyampaian ajaran sesat atau salah itu dirampas dan dimusnahkan. Peruntukan hukuman ini dapat dilihat pada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2002, Seksyen 3(2) menyebut:

“Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan tersebut”.

Manakala dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, Seksyen 13(2) menyatakan bahawa:

“Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, risalah, dokumen atau rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, risalah, dokumen atau rakaman itu”.

Walaupun begitu, sebelum suatu tindakan pendakwaan dilakukan, kebiasaannya usaha membanteras bermula denganewartakan fatwa ajaran sesat atau salah yang berkaitan. Diikuti dengan mengadakan dialog atau program-program memurnikan akidah yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau pihak berkuasa agama Islam di setiap negeri masing-masing.

Menurut Johana et.al (2010), umat Islam di Malaysia melihat isu agama, akidah dan iktikad Islam adalah dengan pandangan yang sangat sensitif. Ia tidak boleh diperkatakan dengan sewenang-wenangnya oleh mereka yang tidak mempunyai autoriti mengenainya. Hal ini adalah kerana, masyarakat Islam di Malaysia menjadikan pengamalan agama, pegangan akidah, amalan syariah dan nilai akhlak sehati dengan kehidupan seharian mereka.

Secara umumnya, masyarakat Islam di Malaysia mengamalkan ajaran Islam mengikut aliran mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut pegangan mazhab Syafie daripada segi fikah. Dengan itu, undang-undang pentadbiran agama Islam di Malaysia dilihat memberi penekanan berdasarkan kepada mazhab Syafie terutama dalam penentuan hukum dan pengeluaran fatwa. Menurut Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), Mufti atau Majlis Fatwa negeri-negeri dalam memutuskan fatwa hendaklah mengikut qawl muktamad dalam mazhab Syafie. Sekiranya fatwa yang mengikut mazhab Syafie itu bertentangan dengan kepentingan umum masyarakat Islam, qawl (pendapat) daripada mazhab sunni lain yang difikirkan munasabah seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh diikuti.

Melihat kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri, dapat disimpulkan bahawa ajaran-ajaran yang difatwakan sebagai ajaran sesat dan salah adalah ajaran yang bertentangan serta bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar serta terkeluar daripada manhaj aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipegang oleh masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya. Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dinyatakan oleh pihak berautoriti agama di Malaysia iaitu Jabatan kemajuan Islam Malaysia memberi takrifan bahawa mereka yang mengikut ajaran yang dipegang oleh Nabi Muhammad SAW atau cara hidup Baginda dan para sahabat Baginda terutama sekali khulafa al-Rasyidin, yang berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.

Aliran ini disusun dan dipertahankan oleh dua tokoh iaitu Syeikh Abu Hassan a-Ashcari (260-324H) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (W333H) yang dikenali sebagai aliran al-Ashacirah dan al-Maturidiyyah (Abdul Hamid, 2006). Oleh itu, sebarang ajaran yang bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap orang Islam ini benar-benar memberi gambaran bahawa agama Islam yang menjadi pengiktirafan di Malaysia adalah yang beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja. Ajaran yang bertentangan atau cerai-ceraianya serta apa-apa juga doktrin dan ajaran yang bercanggah dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri boleh dikawal dan disekat oleh perundangan apabila disebar dengan menggunakan apa jua bentuk penyebaran.

AJARAN SELAIN DARIPDA AGAMA ISLAM

Selain agama Islam, agama Kristian, Hindu, Buddha dan Sikh juga adalah agama yang dianuti oleh masyarakat di Malaysia. Penganut agama-agama selain Islam diberi hak kebebasan untuk mengamalkan agama pilihannya asal sahaja ia tidak mengganggu dan menggugat keamanan dan kedamaian negara dan tertakluk kepada Fasal (4) untuk mengembangkannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, agama didefinisikan sebagai kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Dalam konteks peruntukan agama Islam, semua rujukan dan selok belok beragama hendaklah melalui sumber al-Quran dan Sunnah.

Melalui penggunaan istilah agama bukan Islam dapat difahami bahawa agama bukan Islam itu tidak mempunyai sangkut paut dengan Islam malahan orang yang menganut agama bukan Islam itu tidak sesekali diiktiraf sebagai orang Islam kerana perbezaan kepercayaan akidah. Bagi memahami isu ini, takrifan 'agama bukan Islam'

dapat dilihat melalui peruntukan dalam Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) (Selangor) 1988, Seksyen 2 (Tafsiran) sebagai :
 “Ugama Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, Yahudi, atau apa-apa variasi, versi, bentuk, atau cabang mana-mana ugama tersebut dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan dan penunaian-

(a) yang mana salah satu daripada sifat-sifatnya ialah menyembah suatu wujudan atau kuasa spiritual atau sakti sama ada benar-benar ada atau disangka ada; atau

(b) yang mengakui bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian kebijaksanaan spiritual atau kewujudan spiritual, iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah, atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui oleh ugama Islam sebagai berunsur Islam”.

Frasa ‘suatu pegangan, ideologi dan sistem amalan yang tidak diakui oleh agama Islam sebagai Islam’ adalah luas dan subjektif. Boleh jadi juga frasa ini bermaksud bahawa apa-apa doktrin agama lain, amalan menyembah roh datuk nenek, atau kepercayaan animisme atau pengamalan mazhab-mazhab selain mazhab yang diiktiraf juga perlu dikawal dan disekat melalui peruntukan undang-undang ini (Zaini Nasohah, 2015 & Shamrahayu, 2016). Pun begitu, terdapat beberapa perbezaan yang ketara dalam perundangan di Malaysia bagi melakukan pendakwaan kesalahan ajaran sesat dan juga ajaran agama bukan Islam. Perbezaan terhadap keduanya dapat dilihat melalui jadual perincian seperti berikut:

	Takrif	Entiti yang terlibat	Peruntukan Perundangan	Huraian
Ajaran sesat dan salah	Ajaran, perbuatan dan amalan yang bertentangan dengan akidah dan syariat Islam tetapi didakwa ianya adalah dari Islam atau dinisbahkan kepada agama Islam	Orang Islam	Kesalahan yang berhubungan dengan akidah Islam di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri	Tidak diiktiraf oleh perundangan untuk mengamalkan dan menyebarkan nya. Didakwa dalam Mahkamah Syariah Negeri-negeri
Ajaran Agama Bukan Islam	Agama Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, Yahudi, atau apa-apa variasi, versi, bentuk, atau cabang mana-mana agama tersebut dan tidak diakui oleh agama Islam sebagai Islam	Orang Bukan Islam	Kesalahan di bawah Akta/Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri-Negeri	Diiktiraf oleh perundangan melalui Perkara 11 (1) tetapi tertakluk kepada Fasal (4) yang menyekat usaha pengembangannya. Didakwa dalam Mahkamah Sivil

Jadual 1: Perbezaan Ajaran Sesat/Salah dan Ajaran Agama Bukan Islam

Maka, jelas difahami bahawa ajaran sesat atau ajaran salah ini adalah ajaran yang bertentangan dengan Islam tetapi berhubungkait dan dinisbahkan kepada agama Islam. Dalam konteks negara Malaysia, berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri agama Islam yang menjadi pengamalan dan pegangan oleh masyarakat Islam adalah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran-ajaran yang telah dilarang amalannya melalui fatwa-fatwa negeri dianggap melanggar undang-undang dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan.

Agama-agama lain yang tidak diiktiraf sebagai Islam tidak termasuk dalam konteks tulisan ini. Sebagai contoh agama Kristian yang jelas akidahnya bahawa Tuhan mempunyai anak ternyata tidak mempunyai kaitan dengan agama Islam. Oleh itu, apabila disebut ajaran sesat atau ajaran salah ia akan segera merujuk kepada ajaran yang ada kaitan dan dicanangkan sebagai ajaran Islam. Tetapi oleh kerana ia menyalahi dan bertentangan dengan akidah Islam, maka ia dikatakan sebagai ajaran yang sesat dan salah.

ALAM SIBER DAN MEDIA KOMUNIKASI SOSIAL

Menurut Brody (1990), komunikasi manusia telah berhadapan dengan empat peringkat perkembangan yang berbeza seiring dengan berlalunya zaman ke zaman. Peringkat pertama bermula dengan era komunikasi lisan, beralih kepada era komunikasi tulisan, era komunikasi cetak dan era telekomunikasi. Pada hari ini sedang berkembangnya era komunikasi media baru yang menekankan kepada sistem komunikasi interaktif. Dengan perkembangan teknologi internet dan alat-alat komunikasi, bentuk komunikasi kini tidak lagi terhad kepada komunikasi bersemuka sahaja, tetapi manusia mula menjadikan komunikasi perantaraan (alam maya) sebagai tempat pertemuan dan medium dalam menyampaikan maklumat. Kewujudan beberapa aplikasi jaringan sosial di ruang siber juga menjadikan sistem komunikasi sesama pengguna semakin menarik, mudah dan lebih cepat (Siti Ezaleila Mustafa, 2015).

Alam siber merupakan satu platform yang sangat selamat dan selesa. Pengguna siber bebas menyatakan pendapat peribadi, menyatakan sokongan, mengkritik, menghina dan menyindir dengan menggunakan medium ini. Istilah siber merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan komputer dan internet. Manakala internet pula menurut Kamus Dewan dapat didefinisikan sebagai sistem perangkaian antarabangsa yang membolehkan pengguna mencapai maklumat pangkalan data dari seluruh dunia. Perkataan siber juga seringkali dikaitkan dengan istilah media. Media menurut Kamus Dewan pula diertikan sebagai alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen, akhbar. Media baru pula meskipun masih belum mempunyai definisi yang tepat, secara umumnya bermaksud apa-apa alat teknologi yang berkait dengan internet bagi menghasilkan interaksi kepada pengguna secara digital (Socha & Eber-Schmid, 2012). Oleh itu media seperti televisyen, majalah, surat khabar dan media-media cetak yang lain tidaklah termasuk dalam media baru melainkan ia mempunyai teknologi digital untuk berinteraksi kepada pengguna.

Jika siber adalah perkaitan antara komputer dan internet, maka alam siber adalah satu ruang yang luas yang menempati teknologi komputer dan sistem internet. Perkaitan antara penggunaan komputer, internet, media baru dan siber akan berkait dengan istilah netizen (net citizen). Netizen menurut Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud pengguna internet yang memberi sumbangan untuk mengembangkan dan menggalakkan pertumbuhan internet. Istilah netizen ini juga bersinonim dengan maksud warga siber iaitu sebagai penghuni kepada alam siber yang bertanggungjawab dalam perkembangan dan pertumbuhan internet. Ruang alam siber ini membolehkan warga siber (netizen) berkongsi rasa, bertukar maklumat dan pendapat, berbual melalui sistem komputer seperti laman web, laman dan aplikasi sosial dan laman-laman blog (Siti Razmah Idris, 2016).

Alam siber juga merupakan alat perhubungan atau media komunikasi yang sangat berkait rapat dengan penyampaian maklumat atau mesej di alaf baru ini. Menurut Azimah

Misrom et al. (2014) media komunikasi memerlukan kebebasan yang luas dan terbuka agar penyampaian mesej yang telus akan terlaksana penyampaiannya. Kebebasan ini bukan sahaja boleh mendatangkan kontroversi dan salah faham malah boleh menyebabkan pelanggaran undang-undang mahupun etika kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. Antara implikasi kebebasan penyampaian maklumat ini dapat dilihat dengan berlakunya kekeliruan pemikiran dan akidah hasil dari penyampaian pendapat yang bertentangan dengan doktrin kepercayaan Islam yang selama ini terpelihara dengan pentafsiran yang baku (*standard*) sehingga membawa kepada satu doktrin akidah Islam yang sesat dan salah (Mohd Farid Mohd Shahrin, 2016).

Penawaran media baru pada hari ini juga telah mula menenggelamkan penggunaan media lama. Ini adalah kerana kapasiti media baru yang lebih luas dan kemudahan dalam penyampaian mesej melaluinya lebih pantas berbanding media lama (Novi Kurnia, 2005). Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada abad ini, media baru telah mencetuskan budaya komunikasi secara alam maya tanpa batasan. Penggunaan ICT ini tidak boleh tidak akan bersangkutan dengan penggunaan internet. Internet menjadi sebab bagi manusia untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara pantas, mudah dan terkini.

Teknologi internet ini menggabungkan elemen komunikasi seperti lisan, tulisan, visual, data dan bunyi dengan komputer dan alat komunikasi untuk disatukan dalam satu platform sehingga kemampuannya boleh mengatasi ruang dan masa dalam berkomunikasi (Siti Ezaleila Mustafa, 2015). Penggunaan alat-alat ICT bukan hanya melibatkan penggunaan komputer dan internet malah lebih dari tu. Contohnya adalah seperti perisian multimedia, animasi, power point, telefon bimbit, laman sesawang, aplikasi jaringan sosial, permainan atas talian, perpustakaan digital dan sebagainya (Zuarida Mohyin, 2009).

Kegunaan alat-alat ICT seperti komputer dan internet memberi kesan kepada entiti sosial kerana dengan adanya teknologi ini bukan sahaja perhubungan komputer semata-mata, malah turut menjadi penghubung antara manusia melalui interaksi secara individu, kumpulan dan institusi (Siti Ezaleila Mustafa, 2015). Penggunaan internet dan web bukan lagi sekadar menjadi alat bagi menyampaikan maklumat tetapi semakin popular menjadi medium untuk perbincangan, pengajaran dan pembelajaran serta bersosial secara maya. Media sosial secara lazimnya diertikan sebagai aplikasi yang menggunakan asas internet bagi mewujudkan tindakan perbualan, bersosial dan jaringan di dalam talian.

Penggunaan aplikasi media sosial menjadi fenomena global yang semakin popular pada masa kini. Rakyat Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memanfaatkan aplikasi ini sebagai saluran penyebaran maklumat dan mesej, medium periklanan, pendidikan dan sebagainya (Rozaman Ismail, 2017). Selari dengan kecanggihan teknologi internet dan telefon bimbit, aplikasi media sosial juga turut membangun dengan pesat.

Contohnya untuk mengakses apa-apa jua aplikasi media sosial, ia boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan telefon bimbit. Jelasnya laman aplikasi media sosial merupakan sebuah laman jaringan internet di mana setiap orang boleh mencipta laman web peribadi kemudian berkomunikasi dengan pengguna-pengguna laman web yang lain. Kajian oleh Jamiah Manap et al. (2016) sebanyak lapan (8) jenis aplikasi media sosial yang popular dalam kalangan generasi Z sebagai pengguna tegar bagi aplikasi media sosial di Malaysia iaitu aplikasi Facebook, Whatsapp, Twitter, Youtube, blog, WeChat, Instagram dan Telegram.

Penyebaran ajaran sesat dan salah yang berlaku pada masa dahulu tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku pada hari ini. Apa yang menjadi perbezaan adalah kaedah dan wahana penyebaran yang digunakan. Kecanggihan teknologi maklumat yang ada dalam alam siber ini ternyata lebih mudah dan pantas untuk menyebarkan doktrin dan ideologi ajaran yang sesat dan salah kepada netizen yang beragama Islam.

PENYEBARAN DOKTRIN AJARAN SESAT DI ALAM SIBER

Kekeliruan ideologi dan pegangan agama dalam kalangan umat Islam pada hari ini dilihat semakin membimbangkan. Kemunculan pelbagai kelompok agama yang bercanggah dengan pegangan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah serta ideologi-ideologi pemikiran yang ekstrem dan terlalu longgar menjadikan permasalahan akidah dalam masyarakat Islam semakin meruncing (Mohd Farid Mohd Shahrhan, 2016).

Era kini yang menempatkan kecanggihan teknologi maklumat ternyata memberi sumbangan kepada penyebaran ajaran sesat dan salah ini kepada masyarakat Islam khususnya golongan netizen. Doktrin ajaran sesat dan bertentangan dengan Islam yang dibawa dapat disebar dengan cepat hasil dari kecanggihan alat teknologi yang ada serta aplikasi-aplikasi media sosial yang semakin popular pada masa kini.

Jika dahulu media cetak menjadi medium dakwah bagi ajaran sesat dan menyeleweng ini, maka sekarang kelompok-kelompok ini menjadikan media elektronik pula sebagai medium propaganda bagi ajaran yang dibawa. Yang membezakan adalah cara, wahana dan mekanisme yang digunakannya sahaja. Mekanisme alam siber menjadikan doktrin ajaran tersebut mudah dan pantas untuk disebar melalui kecanggihan alat teknologi berasaskan internet dan aplikasi media komunikasi sosial yang ada seperti internet yang ada seperti facebook, blog, youtube dan sebagainya.

Antara contoh-contoh penyebaran doktrin ajaran sesat dan salah yang berlaku di alam siber hari ini adalah:

Kelompok Millah Abraham @ Ibrahim

Perdebatan berterusan dan berleluasa oleh kelompok Millah Abraham @ Ibrahim dengan mencampuradukkan ajaran dalam al-Quran, Bible dan Taurat (Perjanjian Lama) dapat dilihat dalam laman sosial Facebook oleh ahli-ahli fahaman ini (https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1629367017097530&id=155787667788813). Ajaran aliran kelompok ini telah difatwakan haram oleh Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan, Selangor dan beberapa negeri yang lain sebagai aliran fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam kerana cuba membawa ajaran Islam yang baharu kepada masyarakat Islam.

Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim ini dilihat telah menyelewengkan konsep *Khatam al-Nabiyin* (Nabi Muhammad SAW sebagai penutup para nabi), konsep *Sirat al-Mustaqim* (jalan yang lurus), konsep Hari Kiamat serta mengingkari kefarduan solat lima waktu dan solat Jumaat. Perdebatan yang dilakukan oleh ahli fahaman ini dilakukan oleh mereka yang petah berkata-kata sehingga dapat meyakinkan netizen lain akan kebenaran ajaran dan fahaman yang dibawanya.

Ajaran Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT)

Ajaran Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT) dan para pengikutnya adalah ajaran yang menyeleweng dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Penyelewengan ajaran ini meragukan dan amat mengelirukan kerana ia boleh membawa fahaman seolah-olah Allah SWT berjisim, *tasybih* (menyerupai makhluk) dan *hulul* (zat Allah SWT bersatu dalam diri makhluk). Ilmu syahadah (Ilmu Penyaksian) menurut Ismail bin Kassim adalah suatu yang wajib dipelajari untuk mengenal Allah.

Sikap *ghuluw* (melampau) dalam menghormati guru mereka sehingga perlu mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru mereka Ismail bin Kassim ini dianggap membawa al-Quran yang hidup. Terdapat banyak rakaman video mengenai ajaran ini yang dimuatnaik dalam aplikasi Youtube sehingga mudah untuk diakses oleh setiap netizen (https://www.youtube.com/channel/UC_0g1KIgYjy4z4IllTABaIQ). Penyebaran ajaran yang menyeleweng ini melalui apa jua bentuk sebaran telah pun diwartakan sebagai haram oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri sembilan yang bersidang pada 30 Mac 2017. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara yang menyalahi

fatwa tersebut boleh diambil tindakan undang-undang jika disabit kesalahan melakukannya.

Ajaran Tapediri 65 Atau Ba Tha Mim 114

Ajaran Tapediri 65 atau Ba Tha Mim 114 diasaskan oleh Haji Rahmat bin haji Abd Razak pada 1 Rejab 1430H di Seremban, Negeri Sembilan. Istilah 'Tapediri 65' adalah merujuk kepada huruf 'Ta' yang diambil dari ejaan taqwa, 'pedi' bermaksud pertahanan diri dan manakala 'ri' pula merujuk kepada frasa rawatan Islam. Manakala nombor 6 melambangkan rukun iman dan nombor lima pula melambangkan rukun Islam yang menjadi pegangan orang Islam. Pelbagai bacaan dan amalan yang disusun dalam amalan ini menjadikan ajaran Tapaderi 65 ini menjadi pakej lengkap dari segi ibadah dan ketaatan, pertahanan dan juga rawatan (<http://bhatamim114.blogspot.my/2012/08/tapediri-perkembangan.html>).

Pun begitu, ajaran Tapediri 65 atau Ba Tha Mim 114 pada hari ini lebih dilihat sebagai satu kaedah ilmu mempertahankan diri dan menjadi pusat rawatan Islam yang rancak tersebar di laman sosial Facebook dan juga Youtube (<https://www.youtube.com/watch?v=qPhAX3IxBUA>). Menurut keputusan Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan pada 30 Julai 2015, ajaran ini adalah bercanggah dengan syariah Islam kerana penggunaan jurus dan pukul tidak kena dalam aktiviti persilatan mengandungi perkara yang meragukan dan terdapat unsur-unsur kebatinan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam. Ajaran ini juga dilihat mempunyai persamaan dengan kumpulan Nasrul Haq yang telah pun difatwakan sesat beberapa tahun yang lalu.

Ajaran Syiah

Ajaran Syiah merupakan satu kumpulan yang menisbahkan diri mereka kepada agama Islam. Sejarah ajaran ini telah bermula ribuan tahun yang lalu sehinggalah pada hari ini. Bermula sebagai isu politik dalam kes pendokong Ali bin Abi Talib sehingga menjadi sebuah ajaran sendiri yang mempunyai kaedah dan kitab-kitabnya tersendiri yang berbeza dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Huzaifah Hadis, 2015). Antara penyelewengan ajaran Syiah yang bertentangan dengan amalan beragama di negara ini adalah seperti sanjungan yang keterlaluan terhadap Saidina Ali, imam-imam mereka adalah maksum, mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW, menghalalkan nikah mut'ah, menambah nama Saidina Ali dalam lafaz syahadah dan sebagainya.

Pendukung fahaman Syiah ini giat menggunakan media di alam siber (Amran Ali, 2016) bagi menyebarkan fahaman mereka untuk mendapatkan sokongan dan pengaruh. Hampir semua negeri di Malaysia telahpun mewartakan bahawa ajaran dan fahaman Syiah ini adalah bercanggah dan menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan boleh menjadi ancaman kepada perpaduan umat dan bangsa, keutuhan akidah dan agama serta keamanan negara. Kerajaan Malaysia juga telah menyatakan pendirian yang tegas bahawa hanya akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja menjadi pegangan akidah masyarakat Islam di Malaysia (Siti Razmah Idris, 2016).

Raja Bomoh Sedunia

Nama Ibrahim Mat Zin atau 'Raja Bomoh Sedunia' meningkat popular setelah video yang tersebar di laman Youtube mengenai usahanya mencari dan mengesan misteri kehilangan kapal terbang MH370 pada tahun 2014 yang lepas. Ibrahim Mat Zin juga mendakwa bahawa dirinya pernah membuat ramalan kononnya pakatan pembangkang akan memperolehi kemenangan besar pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang lalu (<https://www.youtube.com/watch?v=iEofj7cuhwE>).

Tahun ini pula heboh dan viral satu rakaman video di laman sosial Youtube yang menunjukkan usahanya menghalang bom nuklear daripada Korea Utara dengan menggunakan dua biji kelapa dan beberapa buluh. Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam satu kenyataan menerusi laman web Bayan Linnas (Mohamad Razif, 2017) mengatakan bahawa ritual dan upacara yang dilakukan oleh

Ibrahim Mat Zin ini tidak terdapat dalam ajaran Islam malah ianya sama sekali bercanggah dengan agama Islam. Penegahan terhadap orang Islam agar tidak mempercayai dan mengikuti upacara tersebut dilakukan dengan pewartaan fatwa di Negeri Perak dan Negeri Sembilan. Pewartaan tersebut meliputi pengharaman untuk menganut, mengamal, menyebarkan, menyokong atau mempromosikan ajaran ini kerana didapati menyeleweng dan berlawanan dengan ajaran Islam.

ISIS

Kemunculan ajaran ekstrem aliran *jihadi-takfiri* seperti Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) serta Islamic State (IS) yang lebih dikenali sebagai DAESH pada hari ini mentakrifkan persoalan iman, kufur dan jihad dalam bentuk ekstrem sehingga menghalalkan darah untuk diperangi. Aliran ini telah difatwakan sebagai gerakan yang menyeleweng dan bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-106. Muzakarah memberi penegasan bahawa sesiapa yang telah atau ingin berjuang atau menyokong gerakan ini adalah tidak selari dengan konsep jihad yang sebenar dalam Islam.

Oleh itu, mereka yang terbunuh kerana perjuangan gerakan tersebut tidak dikategorikan sebagai syahid menurut hukum syarak. Laporan daripada bahagian perisikan PDRM telah menunjukkan peningkatan perkembangan kelompok ekstrem aliran *jihadi-takfiri* ini. Kelompok aliran ini menggunakan medan penulisan blog-blog di alam siber bagi menambah anggota baru terutamanya golongan pemuda dan pemudi Islam (Anon, 2016).

Penyebaran agenda mereka ini juga semakin berleluasa di laman-laman online yang mudah untuk diakses oleh semua netizen melalui internet. Antara strategi kelompok aliran ini adalah beramah mesra dulu dengan bakal militan tersebut dengan menggunakan aplikasi media sosial sebelum merekrut militan baru (Siti Razmah Idris, 2016).

Fahaman Liberalisme, Sekularisme Dan Pluralisme

Fahaman liberalisme, sekularisme dan pluralisme merupakan fahaman pemikiran yang telah lama wujud dan telah menimbulkan suasana yang tidak selesa dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Bentuk pemikiran fahaman ini telah pun diisytiharkan sebagai menyeleweng daripada ajaran Islam oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan beberapa negeri yang lain.

Falsafah fahaman ini dicetuskan oleh negara Barat dan mula mempengaruhi pemikiran masyarakat tempatan secara perlahan-lahan sehingga mempengaruhi hampir ke semua cabang kehidupan. Ini termasuklah bidang ekonomi, politik, budaya hinggalah dalam isu memahami agama. Fahaman liberal ini membawa bersama fahaman sekularime yang memisahkan soal agama dari dunia sekali gus menidakkan kesyumulan agama Islam dan fahaman pluralisme yang memperjuangkan relativisme iaitu kebenaran milik bersama semua agama sekali gus menolak kebenaran mutlak agama Islam (Siti Razmah Idris, 2016).

Pendukung ajaran ini juga didapati giat memanfaatkan media sosial seperti Facebook, laman-laman blog dan pelbagai aplikasi lain yang popular bagi melebarkan pengaruh dan fahaman dan mempamerkan relevansi terhadap masyarakat Islam khususnya netizen daripada kalangan belia (Sinar Harian, 2017).

KESIMPULAN

Perkembangan dan penyebaran doktrin ajaran sesat di Malaysia bukanlah suatu fenomena baru bahkan akan berterusan dari zaman ke zaman. Sehingga hari ini, semua negeri-negeri di Malaysia menghadapi kebanjiran doktrin ajaran sesat ini sama ada ia disebarkan secara terang-terangan atau secara sembunyi ataupun dengan menggunakan media cetak atau media baharu seperti aplikasi-aplikasi media komunikasi sosial. Dunia tanpa sempadan di alam siber pada hari ini meluaskan lagi gejala penyebaran doktrin ajaran sesat dan salah.

Doktrin ajaran sesat adalah fahaman yang dinisbahkan kepada agama Islam tetapi hakikatnya bertentangan dan bercanggah dari ajaran agama Islam yang sebenar. Dalam konteks negara Malaysia, ajaran Islam yang muktabar dan digunapakai dalam pengamalan masyarakat Islam adalah mazhab dan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Agama, pegangan dan ideologi yang tidak diakui oleh Islam sebagai agama Islam seperti agama Kristian, Hindu, Buddha dan agama-agama yang lain tidak termasuk dalam konteks doktrin ajaran sesat.

Pun begitu, penganut agama-agama selain Islam ini diberi pengiktirafan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui hak kebebasan beragama untuk mengamalkan ajaran agama mereka dengan syarat tidak menyebarkan ajaran agama mereka kepada orang yang menganut agama Islam. Berbeza dengan perihal orang Islam yang membawa satu fahaman agama namun jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh kerana ia menyalahi ajaran dan dasar akidah Islam, maka ia dikira sebagai ajaran yang menyeleweng atau ajaran sesat dan salah.

Peruntukan yang terdapat dalam akta/enakmen/ordinan kesalahan jenayah syariah pada setiap negeri di Malaysia adalah satu pendekatan untuk menjaga dan memelihara kesucian agama Islam dengan menyediakan hukuman bagi pesalah yang melakukan kesalahan ajaran sesat dan salah ini. Sebagaimana yang dijelaskan di awal perbincangan, didapati bahawa peruntukan undang-undang yang sedia ada ini adalah mencukupi untuk mengawal perlakuan doktrin ajaran sesat dan salah.

Namun, cara menangani perlakuan doktrin ajaran sesat dan salah ini perlulah ditambahbaik dari semasa ke semasa kerana kesalahan ini dilihat menggunakan mekanisme alam siber sebagai wahana penyebarannya pada hari abad ini. Doktrin ajaran sesat dan salah yang dibawa lebih mudah dan pantas merebak hasil daripada kecanggihan teknologi maklumat berasaskan internet dan aplikasi media sosial yang ada seperti facebook, youtube, laman-laman blog dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Hamid @ Yusoff Yunus. 2006. *Bagaimana Mengenal Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. 2010. *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Ridha, Syekh. 1378H/1959. *Mu'jam Matn al-Lughah*. Jil.3. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Amir Husin Mohd Nor, Muhammad al-Adib Samuri, Muhammad Nazir Alias, Hashim Mehat, Amir Fazlim Yusoff & Mudasir Rosder. 2010. Realiti kesalahan jenayah aqidah di Malaysia: satu sorotan. Dlm. Amir Husin Mohd Nor, Amir Fazlim Yusoff & Muhammad Nazir Alias (pnyt.). *Kesalahan Jenayah Syariah Aqidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*, hlm. 67-90. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azimah Misrom, Natasha Nasir, Siti Masliah Mohd Nuri & Rosmawati Mohamad Rasit. 2014. Hak privacy dalam media komunikasi dari perspektif Islam. Dlm. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah & Muhamad Faisal Ashaari (pnyt.). *Dakwah, Media & Masyarakat*, hlm. 31-42. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brody E. W. 1990. *Communication Tomorrow: New Audiences, New Technologies, New Media*. New York: Praeger.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Ajaran Sesat: Mengenal Jalan yang Terpesong*. Batu Caves: PTS Islamika.

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2009. *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia.
- Farahwahida Mohd Yusof. 2007. *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Hamsyari, Muhammad 'Ali, al-Sayyid, Abu al-Maftuh & Musa, 'Ali Isma'il. 1418H/1997. *Al-Qamus al-Islami li al-Nasyi'in wa al-Syabab*. Jil.1. Riyadh: Maktabah al-'Abikan.
- Al-Husayn, Abu Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1994. *Mu'jam al-Miqyas fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Huzaifah Hadis. 2015. Sorotan historis Syiah secara ringkas. Dlm. Fadhlán Mohd Othman, Huzaifah Hadis, Riza Kamaruddin, Ali Saman Hasan, Abu Qotadah. Shamsudin harun, Idris Sulaiman & Hidayat Syafie (pnyt.). *Waspada dengan Syiah*, hlm.1-11. Shah Alam: Ilmu Sunnah Dot Com Sdn Bhd.
- Ibrahim Deris & Zulfikri Yaso. 2010. Analisis kesalahan-kesalahan akidah dan matrimoni. Dlm. Zaini Nasohah, Amir Husin Mohd Nor & Mohd Nasran Mohamad (pnyt.). *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*, hlm.1-28. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johana Mohd Taib, Amir Husin Mohd Nor, Muhammad Nazir Alias & Amir Fazlim Yusoff. 2010. Peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan jenayah aqidah di Malaysia. Dlm. Amir Husin Mohd Nor, Amir Fazlim Yusoff & Muhammad Nazir Alias (pnyt.). *Kesalahan Jenayah Syariah Aqidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*, hlm. 91-136. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2013. *Mengenali Ajaran Sesat Melalui Soal Jawab*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad bin 'Abd Karim bin Abi Bakar Ahmad. 1967. *Al-Milal wa al-Nihal*. T.tp.: t.pt.
- Siti Ezaleila Mustafa. 2015. *Media Jaringan Sosial: Penggunaan dan Pengaruhnya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sulaiman bin Ibrahim bin Umar al-Baruhi. 2002. *Al-Turuq al-Sufiyyah fi Maliziyya wa Athruha 'ala al-Da'wah al-Islamiyyah*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- The World Book Encyclopedia*. 2006. Jil.4. Edisi 2006. Chicago: World Book.
- Zaini Nasohah. 2015. Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam di Malaysia: Lacuna dan Implikasi Penguatkuasaan. Dlm. Md.Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar & Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Isu Syariah & Undang-undang Siri 21*, hlm. 105-116. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanirah Mustafa, Maznah Wan Omar, Ahmad Yumni Abu Bakar & Amir Husin Mohd Nor. 2013. *Fenomena Ajaran Sesat dan Peruntukan Undang-Undang di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit PRESS Universiti Teknologi Mara.

Jurnal dan Kertas Kerja Prosiding

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2010. Ajaran Sesat Di Malaysia. *Jurnal Peradaban*. 3(2010): 1-16.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim. 2016. *Penggunaan Dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z*. Kertas Kerja International Conference on Social and Economic Development (ICSED) 2016. Anjuran School of Social and Economic Development, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, 1-3 November.
- Mohd Farid Mohd Shahrán. 2016. *Ancaman Akidah Dan Pemikiran Islam Di Alam Siber*. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

- Mohd Tamyas Abd Wahid. 2007. *Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia*. Kertas kerja Simposium Dakwah Daerah Klang. Klang, Selangor, 3 Februari 2007.
- Novi Kurnia. 2005. *Perkembangan Teknologi Komunikasi Dan Media Baru: Implikasi Terhadap Teori Komunikasi*. MediaTor 6(2): 291-296.
- Shamrahayu A.Aziz. 2016. *Pengembangan Doktrin Dan Kepercayaan Bukan Islam Di Alam Siber: Latar Perundangan Di Malaysia*. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.
- Siti Razmah Idris. 2016. *Diayah Di Alam Siber: Ancaman Kepada Kesejahteraan Gaya Hidup Muslim*. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

Akta

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) (Pindaan P.U.(A) 251/2002).
- Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355).
- Enakmen Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (En. 4/92) (Pindaan En. 3/04).
- Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 (En. 3/92).
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991 (En.4/93) (Pindaan 2007 En. A11).
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (En. 9/95).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 (En. 2/85) (Pindaan 1987 En. 4/87).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 (En. 4/97).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (En. 18/2014).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (En. 3/96)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 (En. 11/2013).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 (En. 3/95).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001 (En. 7/01).
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (En. 6/91).
- Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) (Selangor) 1988.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 (Bab 46/2001).
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.

Internet

- Ajaran Sesat Tolak Solat Fardhu. https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1629367017097530&id=155787667788813 (diakses pada 17 November 2017).
- Amran Ali. 2016. Sebar Fahaman Syiah Di Laman Sosial. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/melaka-ns/sebar-fahaman-syiah-di-laman-sosial-1.572133> (diakses pada 30 Oktober 2017).
- Anon. 2016. Sebar Kefahaman Tentang Ancaman Daesh. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/sebar-kefahaman-tentang-ancaman-daesh-1.372111> (diakses pada 29 Mei 2017).
- Bha Ta Mim 114. <http://bhatamim114.blogspot.my/2012/08/tapediri-perkembangan.html> (diakses pada 21 November 2017).
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-terkini> (diakses pada 2 November 2017).
- Mohamad Razif Mohamad Fuad. 2017. Bayan Linnas siri ke-87: Upacara Perbomohan Yang Dilakukan Oleh Datuk Ibrahim Mat Zin/Raja Bomoh. <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1510-bayan-linnas-siri-ke-87-upacara-perbomohan-yang-dilakukan-oleh-datuk-ibrahim-mat-zin-raja-bomoh> (diakses pada 24 November 2017).
- Perahmat Media Broadcast. https://www.youtube.com/channel/UC_0g1KIgYjy4z4IILLtABaIQ (diakses pada 19 November 2017).

- Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Melaka. <http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/index.php/en/aqidah> (diakses pada 2 November 2017).
- Raja Bomoh Sedunia Nujum VIP Bomoh PAKATAN. <https://www.youtube.com/watch?v=iEofj7cuhwE> (diakses pada 19 November 2017).
- Rozaman Ismail. 2017. Apabila Hidup Dikawal Aplikasi Media Sosial. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/apabila-hidup-dikawal-aplikasi-media-sosial-1.534854> (diakses pada 25 Oktober 2017).
- Socha, B. & Eber-Schmid, B. 2012. What is the new media? Defining New Media Isn't Easy. <http://www.newmedia.org/what-is-new-media.html> (diakses pada 24 Oktober 2017).
- Tapediri 65 / Bathamim 114 (Malaysia). <https://www.youtube.com/watch?v=qPhAX3IxBUA> (diakses pada 19 November 2017).
- Wartawan Sinar Harian. 2017. Media Sosial Ejen Sebar. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/media-sosial-ejen-sebar-1.685304> (diakses pada 27 November 2017).
- Web Rasmi Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa> (diakses pada 2 November 2017).

Kes

Abdul Kahar bin Ahmad lwn Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain [2008] 4 CLJ 309.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.